

27 JAN 2003

AIDS-Dadah/I

AIDS TIDAK DAPAT DIKAWAL JIKA PENAGIHAN DADAH TIDAK DIBENDUNG, KATA  
MARINA

KUALA LUMPUR, 27 Jan (Bernama) -- Penyakit berbahaya AIDS tidak akan dapat dikawal jika jumlah penagih dadah di negara ini terus meningkat, kata Pengerusi Majlis AIDS Malaysia Datuk Paduka Marina Mahathir.

"Jumlah penagih dadah di Malaysia telah meningkat sejak 20 tahun lepas dan sudah tiba masanya untuk menilai apa yang perlu dilakukan untuk membendung jumlah mereka daripada terus meningkat," katanya semasa merasmikan pameran Anugerah Kontemporari Muda di Balai Seni Lukis Negara hari ini.

Beliau berkata penagih dadah wanita perlu dirawat dengan cara berbeza dengan penagih lelaki berikutan keadaan biologi dan isu sosial mereka yang berbeza.

Sementara penagih lelaki boleh mendapatkan rawatan langsung bagi masalah penagihan mereka, wanita pula mungkin tidak boleh berbuat demikian kerana mereka mungkin mempunyai tanggungjawab lain seperti menjaga anak mereka, katanya.

Pada majlis itu Marina turut menyampaikan anugerah kepada beberapa pelukis muda.

Anugerah Utama dimenangi Noor Azizan Rahman Paiman dan Suhaila Hashim bagi karya mereka bertajuk 'On Air' manakala Anugerah Juri dimenangi Yap Sau Bin bagi karyanya 'Who Gave Birth To The Great White One', Nurhanim Mohd Khairuddin ('Laga-Laga') dan Multhalib Musa ('By Default').

Sebanyak 120 penyertaan diterima daripada pelukis Malaysia, berumur 35 dan ke bawah, bagi anugerah itu.

Panel hakim termasuk Pengarah Galeri Petronas Zainal Abidin Ahmad Shariff dan pelukis dan pensyarah Universiti Sains Malaysia Hasnul Jamal Saidon.

Zainal berkata dapat dilihat wujud trend di kalangan pelukis muda untuk lari daripada cara konvensional dalam melahirkan karya mereka kepada cara baru seperti lukisan tiga dimensi.

-- BERNAMA

CL KHY RHM